

Azalina Ketua Puteri UMNO

UM 1 APR 2001

KUALA LUMPUR 31 Mac — Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Azalina Othman Said dilantik sebagai Ketua Puteri UMNO yang pertama.

Pelantikan itu diumumkan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas mesyuarat MT, petang ini.

Azalina ketika dihubungi mengucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan parti yang memberi kepercayaan kepadanya.

“Pergerakan Wanita UMNO akan sentiasa saya jadikan panduan,” katanya.

Azalina berkata, selepas ini beliau berharap dapat mewujudkan Puteri Barman Nasional (BN).

Katanya, ia bagi membolehkan wanita muda Malaysia memainkan peranan sebagai ejen perpaduan nasional.

Beliau berharap kewujudan Puteri UMNO akan menyerlahkan kepimpinan lebih ramai wanita Melayu muda.

Menurutnya, antara rancangan pertamanya ialah mengadakan mesyuarat penaja dengan semua wakil negeri.

Beliau dan para Exco Puteri UMNO akan turun ke peringkat akar umbi bagi member-i penjelasan mengenai agenda Puteri dan peranan yang boleh dimainkan oleh setiap wanita Melayu muda dalam UMNO.